

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROFESOR DATUK DR. ROZIAH MOHD JANOR**

**NAIB CANSELOR UiTM**

**SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

**TAHUN 2022**

**23 JUN 2022 | JUMAAT | 2.30 PETANG**

**HOTEL UiTM**

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis.

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**SALUTASI – KEMAS KINI BERDASARKAN  
KEHADIRAN**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,**

**Selamat sejahtera, Salam UiTM di Hatiku dan Salam  
Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama di **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022** pada petang ini, untuk meraikan staf UiTM yang cemerlang bagi

**Pejabat-pejabat di bawah seliaan Naib Canselor.**

2. Saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Dr. Wan Ismahanini dan seluruh jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan majlis hari ini. Saya tahu, bahawa

pemakluman untuk melaksanakan majlis ini sangat singkat, namun atas komitmen dan rasa tanggungjawab, perkara yang sukar menjadi mudah. **Ibarat kata pepatah, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing.**

3. Majlis seumpama ini amat signifikan dalam sesbuah organisasi. Ia merupakan wadah untuk menzahirkan tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang telah menunjukkan prestasi cemerlang di dalam perkhidmatan mereka.

4. Untuk mencapai kecemerlangan, bukan satu perkara yang mudah. Ia memerlukan usaha yang berlipat ganda, kecekalan, kewibawaan, ehsan dan yang pastinya, **D.N.A UiTM terpahat di sanubari. Nilai E.S.I dan iDART juga perlu sentiasa diterapkan dalam setiap tugas yang diamanahkan.**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

5. Pada kali ini, **seramai 180** orang penerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2022**. Harapan saya agar anugerah ini menjadi titik tolak dan pemangkin kepada tuan puhan untuk teruskekalkan momentum dan tingkatkan kecemerlangan. Kepada rakan-rakan disekeliling pula, jadikan ia sebagai inspirasi untuk turut sama meraih kecemerlangan pada masa hadapan.

6. Sama-sama kita menghasilkan tugas yang lebih berkualiti dan berdaya saing. Tingkatkan kemahiran dan tingkatkan pencapaian. Jadikan diri **umpama benih yang baik, dicampak ke darat menjadi gunung, dicampak ke laut menjadi pulau**. Kepuasan bekerja akan kita perolehi apabila kita sedar tanggungjawab sebagai khalifah, sebagai pekerja, sebagai ahli dalam masyarakat.

7. Sebagai staf di universiti terbesar ini, kita jangan terlalu alpa dan selesa dengan pencapaian hari ini. Langkah kita masih jauh lagi. Tindakan yang kita ambil, perlu pantas. Pemikiran kita perlu bernas. Kita perlu sentiasa peka, berfikiran terbuka serta bersiap siaga menempuh setiap cabaran yang datang.

8. Pada kesempatan ini, saya ingin mengingatkan kepada semua agar kita sentiasa responsif bagi mengekalkan **kecemerlangan UiTM**. Dengan fokus kita tahun ini adalah **kebolehpasaran global**, maka langkah perlu diperhebat untuk mencapai **pengiktirafan di peringkat global pada tahun 2024**.

### **Staf UiTM yang saya kasihi sekalian,**

9. Pada petang ini, saya rasa amat bertuah, kerana hasrat saya untuk menjadikan **1 pensyarah, 1 penulisan** bakal menjadi realiti. Terima kasih kepada **PTAR** dan **BTU** kerana merealisasikan impian saya untuk membangunkan platform **“Digital PaperMachine@UiTM”**. Pembangunan ini turut

terhasil dengan sumbangan beberapa templat daripada penyelidik prolifik UiTM. Berikan tepukan kepada mereka.

10. Untuk makluman semua, **Digital PaperMachine@UiTM** merupakan satu inisiatif UiTM untuk membantu staf akademik menghasilkan jurnal atau bahan penulisan yang berkualiti dengan lebih sistematik, mudah dan tangkas. Semoga ia dapat memberikan manfaat kepada para akademik untuk meningkatkan penulisan UiTM.

**Hadirin sekalian,**

11. Justeru, saya mengambil kesempatan ini, untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada staf UiTM yang telah **mempamerkan perkhidmatan yang cemerlang**.

12. Semoga kita akan terus menabur khidmat bakti tanpa mengira waktu, batas dan tenaga. Kita perlu yakin kepada keupayaan dan kesungguhan untuk memelihara keuntuhan

Universiti. Sokongan padu tuan puan akan menjadi **tunjang kekuatan dalam menjadikan UiTM yang terbaik.**

10. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang telah sama-sama menjayakan majlis ini.

**Sekian**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah,**

**Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**